

Kerajaan belum putuskan pencalonan Rais

SUNGAI PETANI: Kerajaan belum memutuskan sama ada menerima atau menolak keputusan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang mahu menarik diri daripada dicalonkan sebagai Setiausaha Agung Komanwel.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan memerlukan sedikit masa mengkaji keputusan Rais itu kerana pencalonan beliau bukan bersifat peribadi, sebaliknya pencalonan negara.

"Ia adalah pencalonan negara dan bukan pencalonan Rais secara peribadi, maka eloklah saya berbincang dulu dengan Perdana Menteri (Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi).

"Kita tunggu sedikit masa lagi, mungkin dalam satu atau dua hari ini kita buat ketetapan," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Perwakilan Umno Bahagian Merbok di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Rais Khamis lalu, beliau akan menarik diri daripada dicalonkan sebagai Setiausaha Agung Komanwel.

Najib berkata, beliau memahami komitmen Rais sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Kemerdekaan Negara yang membataskannya untuk bergerak ke luar negara bagi berkempen.

Ditanya sama ada Malaysia akan

BH-29/7/2007
mengemukakan calon lain Najib berkata, kerajaan akan mengkaji perkara itu dengan teliti sebelum membuat sebarang keputusan.

Pemilihan Rais sebagai calon Setiausaha Agung Komanwel itu bagi menggantikan Don McKinnon dari New Zealand yang akan menamatkan perkhidmatannya 31 Mac tahun depan dan dijangka dibuat pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Uganda, November ini.

Sementara itu di YAN, Najib menegaskan, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diasaskan pada 1970 bukan bertujuan mendiskriminasi bukan Melayu, sebaliknya untuk mem-

betulkan kesan tindakan itu terhadap kaum Melayu ketika dijajah.

Beliau berkata, Umno berani mengasaskan DEB kerana mahu mengubah nasib orang Melayu yang menjadi mangsa diskriminasi penjajah selama 400 tahun.

"Kalau Umno tidak berani buat DEB, saya fikir pada masa ini Melayu akan merempat di bumi sendiri," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Jerai di sini semalam.

Najib berkata, bukan Melayu tidak pernah tidak bersetuju dengan DEB tetapi hanya membabitkan sesetengah cara pelaksanaannya yang akan diperkembangkan.